

## Tumpahan Merkuri, IPB Ikut SOP

Terakhir dikemaskini: Isnin, 07 Ogos 2017 11:00 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 1244

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

**ISNIN, 7 OGOS** - Kejadian tumpahan merkuri di makmal Institut Penyelidikan Bioteknologi (IPB), Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang dilaporkan dalam akhbar tempatan bertarikh 5 Ogos 2017 merupakan sebuah insiden kecil yang melibatkan sebatang termometer merkuri yang pecah semasa kerja penyelidikan dijalankan.

Menurut Pengarah IPB, Dr. Zarina Amin, insiden yang berlaku kira-kira jam 10.00 pagi hari Jumaat tidak melibatkan kecederaan kepada pelajar dan kakitangan.

"Pihak IPB bertindak mengikut Prosedur Standard Operasi (SOP) keselamatan makmal dengan menghubungi Unit Bahan Berbahaya (Hazmat) Pasukan Bomba dan Penyelamat dari Sembulan bagi membantu dalam pemeriksaan dan pembersihan tumpahan merkuri tersebut," katanya.

Tambah Dr. Zarina, dengan adanya pelan kontingensi lengkap yang disediakan oleh IPB, insiden tersebut berjaya ditangani dengan pantas dan sempurna.

